

B740+
PM-KENANG

1982

ALOR SETAR, 14 APRIL (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI MENGENANG KEMBALI KEADAAN +AMAN DAN DAMAI+ YANG WUJUD SESAMA UMAT ISLAM DI NEGARA INI SEMASA PAS BERADA DALAM BARISAN NASIONAL ANTARA TAHUN 1973 HINGGA 1974.

+SEPATUTNYA KEADAAN SEPerti ITU BERTERUSAN KERANA ORANG-ORANG ISLAM DIKEHENDAKI BERBAIK-BAIK SESAMA SENDIRI TAPI MALANGNYA, KEPIMPINAN PARTI PAS - DAN BUKAN AHLINYA - MAHUKAN UMAT ISLAM BERKELAHl SESAMA SENDIRI,+ KATANYA KETIKA MENGALU-ALUKAN SATU ROMBONGAN PAS YANG DATANG KE KEDIAMANNYA DI INI MALAM INI UNTUK MENGISYTIHARKAN DIRI MEREKA KELUAR DARI PAS.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SEMASA PAS BERADA DALAM BARISAN NASIONAL, KERJASAMA YANG WUJUD ANTARA UMAT ISLAM BEGITU BAIK SEKALI SEHINGGA TALI PERSAHABATAN ANTARA MEREKA AMAT KUKUH.

TAPI, MENURUTNYA, SETELAH PAS KELUAR DARI BARISAN NASIONAL, +SAYA DAN ISTERI SAYA (DATIN SERI DR. SITI HASMAH) PERNAH DIPANGGIL YAHUDI+ OLEH ORANG-ORANG PAS.

BELIAU MENEGASKAN DASAR PAS TIDAK MENDATANGKAN SEBARANG MASALAH, TETAPI CUMA CARA PELAKSANAANNYA YANG MENIMBULKAN KERAGUAN. -- BERSAMBUNG 0009/LK

B745:

PM-KENANG 2 ALOR SETAR

+MEMANDANGKAN PENTINGNYA DIKEMBALIKAN KEADAAN BERBAIK-BAIK ANTARA UMAT ISLAM, SAYA TELAH MENAWARKAN SUPAYA PAS KEMBALI KE PANGKUAN BARISAN NASIONAL TETAPI DUA TAWARAN SAYA TELAH DITOLAK BULAT-BULAT TANPA PERTIMBANGAN OLEH YANG DIPERTUA AGUNG PAS DATUK MOHAMED ASRI+, KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA ORANG-ORANG MELAYU, SEBAGAI SATU KAUM YANG LEMAH, PERLU MENGUATKAN PERPADUAN MEREKA SEKIRANYA MEREKA TIDAK MAHU MENJADI LEBIH LEMAH.

+DENGAN ITU, ADALAH LEBIH BAIK SEKIRANYA PAS MEMASUKI SEMULA BARISAN NASIONAL,+ TEGASNYA.

KEENGGANAN PEMIMPIN-PEMIMPIN PAS UNTUK MEMASUKI BARISAN NASIONAL MENAMPACKAN SIKAP MEREKA YANG SUKAKAN PERPECAHAN SEDANGKAN UMNO BERHASRAT BENAR UNTUK MEWUJUDKAN PERPADUAN.

KATANYA, MALAYSIA TELAH MENDAPT PENGIKTIRAFAN SEBAGAI SEBUAH NEGARA ISLAM WALAUPUN TERDAPAT ORANG-ORANG BUKAN ISLAM DI DALAM PUCUK PENTADBIRANNYA. -- BERSAMBUNG 0040/LK

PM-KENANG 3 ALOR SETAR

HUJAH-HUJAH PAS YANG MENGATAKAN SESEBUAH NEGARA ISLAM TIDAK BOLEH MEMPUNYAI ORANG-ORANG BUKAN ISLAM MERUPAKAN SATU TAFSIRAN YANG SALAH KERANA ARAB SAUDI, SEBAGAI NEGARA ISLAM, JUGA MEMPUNYAI PEMIMPIN-PEMIMPIN YANG BUKAN BERAGAMA ISLAM, KATANYA.

+ ADANYA ORANG-ORANG BUKAN ISLAM DI KALANGAN KITA TIDAK BERMAKNA KITA BUKAN ISLAM ASALKAN MEREKA MAHU PERDAMAIAN,+ KATA PERDANA MENTERI.

BELIAU YAKIN LEBIH RAMAI LAGI PENYOKONG PAS AKAN MEMASUKI UMNO SEKIRANYA MEREKA SEDAR UMNO MEMANG BERJUANG ATAS DASAR ISLAM.

TURUT HADIR DI PERJUMPAAN DENGAN 300 ORANG BEKAS PEMIMPIN DAN AHLI-AHLI PAS ITU IALAH DATIN SERI DR. SITI HASMAH DAN PEMIMPIN-PEMIMPIN UMNO DARI KUBANG PASU, KAWASAN PILIHANRAYA DATUK SERI DR. MAHATHIR SENDIRI. -- BERNAMA 0045/LK